

13/09/2003

Penguat kuasa dapat faedah seperti polis

PEGAWAI penguat kuasa yang cedera atau terkorban ketika bertugas akan diberi faedah dan saraan yang sama disediakan kepada anggota keselamatan dan anggota keluarga mereka.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, faedah dan saraan yang disediakan kepada anggota keselamatan dan keluarga akan dipanjangkan kepada anggota penguat kuasa, bagi menghargai jasa mereka.

"Sejak kebelakangan ini, sering berlaku kejadian penculikan, lanun, dan gangsterisme termasuk kegiatan tonto serta rompakan dan kecurian yang semakin membimbangkan.

"Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menyediakan persekitaran awam dan perniagaan yang selamat. Bagi melindungi pegawai penguat kuasa semua agensi, mereka akan dibekalkan dengan peralatan sesuai ketika bertugas," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan meningkatkan, memperkukuhkan kawalan dan penguatkuasaan di seluruh negara.

Oleh itu, kerajaan akan mengkaji organisasi dalam bahagian tertentu PDRM serta meningkatkan keupayaan melalui pemberian peralatan dan latihan khas supaya mereka dapat melaksanakan tugas dengan lebih berkesan.

Kerajaan juga menubuhkan Angkatan Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) sebagai satu usaha untuk meningkatkan lagi keselamatan di perairan negara.

Untuk itu, beliau mengumumkan peruntukan RM4.4 bilion untuk keselamatan dalam negeri, manakala Kementerian Pertahanan pula akan menerima peruntukan RM6.5 bilion.

Bagi perbelanjaan pembangunan pula, peruntukan masing-masing ialah RM750.5 juta dan RM2.1 bilion disediakan untuk melengkap dan memodenkan sistem pertahanan dan keselamatan negara.